Akademika 96(3), October 2026
https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-16

Apresiasi Kesenian Keris Melayu Semenanjung Jenis Melela

Appreciating the Art of Malay Peninsula Kerises; Melela Type

AHMAD AFIQ AHMAD FARIS* & MAIZIRA ABDUL MAJID

Received: 22-4-2026/Accepted: 13-10-2026

ABSTRACT

Keris Melayu Semenanjung merupakan artifak warisan yang mengandungi nilai seni, kemahiran pertukangan dan makna budaya, namun penghuraian estetikanya sering terbatas kepada pengiktirafan terhadap keindahan tanpa penjelasan terperinci tentang kriteria penilaian dan ciri visual yang mendasarinya. Makalah ini bertujuan menganalisis kriteria pertimbangan estetik dalam penilaian Keris Melela serta menghuraikan makna di sebalik ciri visualnya berdasarkan pengetahuan pengamal perkerisan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah deskriptif. Pengumpulan data dilaksanakan melalui pemerhatian lapangan dalam pertandingan kecantikan keris, temu bual bersama dua orang ketua juri, penyertaan dalam bengkel penjurian, serta penelitian dokumen dan literatur berkaitan perkerisan. Data dianalisis secara deskriptif dengan meneliti kriteria pemarkahan, ciri fizikal, mutu pertukangan dan interpretasi simbolik yang dikemukakan oleh pengamal. Dapatan menunjukkan bahawa apresiasi Keris Melela melibatkan penilaian terhadap kesempurnaan bilah, ketepatan garapan ricikan, mutu permukaan besi, ketandaan, serta keserasian antara bilah dengan komponen pakaian keris, iaitu hulu, sarung dan pendokok. Kehalusan akut, lurah, alor, kerawang, tulang, tebing dan lok memperlihatkan hubungan antara kemahiran teknikal dengan pembentukan nilai estetik. Kesimpulannya, apresiasi seni visual Keris Melela bukan sekadar penilaian berdasarkan keindahan formal, malah melibatkan pengetahuan teknikal, pertimbangan estetik dan pemahaman tradisi budaya. Kajian ini menyumbang kepada pendokumentasian pengetahuan perkerisan serta pengembangan wacana apresiasi seni tradisional Melayu.

Kata Kunci: Keris; Melela; Melayu Semenanjung; apresiasi; seni visual; warisan

ABSTRAK

The Malay Peninsula Keris is a heritage artefact that embodies artistic value, craftsmanship, and cultural significance. However, discussions of its aesthetics are often limited to acknowledging its beauty, without providing a detailed explanation of the evaluative criteria and visual characteristics underpinning such assessments. This paper aims to analyse the criteria for aesthetic judgement in the evaluation of the Melela Keris and to elucidate the meanings underlying its visual features based on the knowledge of keris practitioners. The study adopts a qualitative approach using descriptive methods. Data were collected through field observations at a keris beauty competition, interviews with two chief judges, participation in a judging workshop, and examination of relevant documents and literature on keris traditions. The data were analysed descriptively by examining scoring criteria, physical characteristics, craftsmanship, and symbolic interpretations provided by practitioners. The findings indicate that the appreciation of the Melela Keris involves evaluating the perfection of the blade, the precision of ricikan detailing, the quality of the iron surface, ketandaan, and the harmony between the blade and the components of the keris ensemble, namely the hilt, sheath, and pendokok. The refinement of akut, lurah, alor, kerawang, tulang, tebing, and lok demonstrates the relationship between technical craftsmanship and the formation of aesthetic value. In conclusion, the appreciation of the Melela Keris as a form of visual art extends beyond an assessment of formal beauty to encompass technical knowledge, aesthetic judgement, and an understanding of cultural traditions. This study contributes to the documentation of keris-related knowledge and the advancement of discourse on the appreciation of traditional Malay art.

Keywords: Keris; Melela; Malay Peninsula; appreciation; visual arts; heritage

PENGENALAN

Keris merupakan artifak bangsa yang unik, dilabelkan sebagai senjata namun ciptaannya sarat dengan hiasan halus, indah serta digarap dengan rekabentuk yang sofistikated melangkaui zamannya (Yusof et al., 2022; Abidin, 2018). Malah keris turut dijuluki sebagai pengucapan estetika Melayu yang paling sempurna (Zakaria Ali, 1989). Pengiktirafan ini dapat dilihat melalui penganjuran tahunan pertandingan keris cantik di Malaysia yang bermula semenjak tahun 1997 lagi. Justeru itu, penyataan perihal keindahan keris tidak seharusnya ternoktah dengan istilah seperti estetika tinggi, mahakarya, hebat, unik dan cantik tanpa penjelasan kenapa dan mengapa secara tuntas. Penulisan Noor & Khoo (2003) mendedahkan potensi bagi artifak keris buatan empu zaman dahulu untuk dihayati seperti karya lukisan klasik, yang mana dengan meneliti visual keris pelbagai penceritaan dapat diinterpretasikan kerana setiap aspek dalam pembuatan keris dirancang teliti oleh para empu dari aspek pemilihan bahan hinggalah kepada penentuan reka bentuk dan ragam hiasnya. Setiap lekukan, kerawang, bentuk-bentuk, lorekan kayu, susun letak ukiran bunga ada justifikasi dan makna yang menjadi perlambangan atau simbol tertentu. Maka, mengapresiasi dengan menghitung skor unsur seni dan prinsip rekaan tidak mampu untuk menghuraikan keindahan keris sepenuh potensi.

Kajian-kajian lepas mengenai keris Melayu jarang menyentuh perihal estetika dan proses pengapresiasian keris. Penulisan lepas lebih cenderung membincangkan aspek seperti peranannya sebagai objek warisan, simbol identiti dan senjata tradisional. Menurut Desa et.al (2021) apresiasi seni adalah suatu kaedah penghayatan ke atas objek seni dengan pendekatan analisis dan deskriptif yang menyumbang pada penulisan akademik. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk memperluas korpus pengetahuan tentang apresiasi visual keris Melayu Semenanjung dengan meneliti metodologi dan struktur penilaian estetik yang diamalkan dalam pertandingan keris di Malaysia. Penelitian ini penting bagi menjelaskan bagaimana ciri visual keris dikenal pasti, ditafsirkan dan dinilai, di samping memahami pertimbangan estetik yang mendasari amalan penilaian dalam budaya perkerisan tempatan.

Penilaian terhadap keindahan keris melibatkan pengetahuan khusus tentang ciri visual, mutu pertukangan, kecacatan yang mempengaruhi nilai, serta konsep keserasian dan kesempurnaan dalam tradisi perkerisan Melayu Semenanjung. Pengetahuan tersebut perlu diteliti bersama alasan yang dikemukakan oleh pengamal bagi memahami bagaimana sesuatu keris dinilai sebagai baik, sempurna atau bernilai tinggi. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan kriteria ideal dan interpretasi terhadap reka bentuk Keris Melela berdasarkan pemerhatian lapangan pertandingan keris, temu bual bersama pengamal serta penelitian terhadap dokumen dan catatan terdahulu berkaitan perkerisan. Sebagai salah satu jenis keris dalam tradisi keris Melayu Semenanjung, Keris Melela dipilih kerana ciri banggunan bilahnya yang sarat dengan ricikan kerawang halus, lurah, alor, tebing yang memerlukan kemahiran penempaan dan ketelitian mencanai besi yang tinggi. Penelitian terhadap ciri-ciri tersebut bukan sahaja membolehkan mutu visual dan teknikal keris dihuraikan secara lebih mendalam, malah membuka ruang untuk memahami pertimbangan estetik yang mendasari penilaian budaya perkerisan tempatan. Dengan demikian, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pendokumentasian pengetahuan perkerisan serta menjadi rujukan bagi memperluas penghuraian estetika keris Melayu Semenanjung jenis Melela.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif bertujuan untuk mencapai dua objektif utama, iaitu menganalisis kriteria pertimbangan estetik yang digunakan dalam penilaian Keris Melela dalam pertandingan keris di Malaysia, serta menghimpunkan makna di sebalik ciri visual Keris Melela bagi memperluas penghuraian estetikanya berdasarkan pengetahuan pengamal dan sumber dokumentasi perkerisan. Sehubungan itu, pertandingan kecantikan keris dijadikan konteks utama pengumpulan data kerana menyediakan ruang untuk meneliti amalan penilaian estetik serta pengetahuan yang mendasari pertimbangan terhadap keindahan keris.

Pertandingan Kecantikan Keris merupakan acara yang mengiktiraf keris Melayu berdasarkan mutu dan keindahannya mengikut kategori yang dipertandingkan. Penganjurannya turut berperanan sebagai usaha memperkasa dan melestarikan budaya perkerisan di Malaysia, di samping menyumbang kepada pengembangan ilmu tentang keris Melayu Semenanjung (Lazim, 2023). Menurut Zain (2023), pertandingan ini mula dianjurkan di Kelantan pada tahun 1997, dengan format yang diadaptasi daripada pertandingan pisau di Jerman dan Belanda. Format tersebut kemudiannya diubah suai dan dikemas kini agar bersesuaian dengan konteks perkerisan tempatan. Proses pembentukan format penilaian ini turut melibatkan muzakarah antara pelbagai pihak yang berkepakaran dalam bidang perkerisan, termasuk tukang hulu, sarung, pendokok/pendok, empu keris serta pakar rujuk. Penglibatan pelbagai pihak ini memperlihatkan bahawa pembentukan skema pemarkahan pertandingan bukan sekadar berasaskan pertimbangan individu, sebaliknya turut melibatkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan pengamal serta pakar perkerisan. Jadual 1 di bawah memaparkan skema pemarkahan bagi kategori keris Melela;

JADUAL 1. Format pemarkahan *Keris Melela* jenis *Besi Sebatang*

No		Perkara	Markah penuh
		Bentuk (kesempurnaan dan lenggok)	
		Mata	13
		Aring/ganjar dan kerawang	11
		Akut dan kerawang	9
		Besi	
1.	**Bilah keris**	Permukaan besi	15
		Sepuhan	5
		Ketandaan	
		Bilangan tanda	10
		Kejelasan dan keindahan tanda	5
		Bahan	3
2.	**Sarung**	Bentuk	4
		Hiasan	3
		Bahan	3
3.	**Hulu**	Bentuk	4
		Hiasan	3
4.	**Pendokoh**	Bahan	2
		Bentuk dan hiasan	3
5.	**Keserasian**	Keseluruhan	3
6.	**Keunikan**	Luar biasa/hebat	2
	Jumlah		**100**

Sumber: Persatuan Seni Purba Terengganu (2023).

Tumpuan kajian adalah pada lokasi pertandingan yang membuka kategori Keris Melela untuk dipertandingkan bagi meneliti keris-keris yang memenangi pertandingan. Antara lokasi kajian termasuklah Pulau Duyong, Pantai Kelebang, Melaka, Kubang Kerian Kelantan dan Kuala Terengganu. Selain itu, kajian juga melibatkan penyertaan dalam bengkel penjurian keris anjuran *Persatuan Seni Purba Terengganu* yang membekalkan maklumat melalui taklimat, modul bengkel yang mengandungi maklumat serta skema penjurian, perolehan slaid pembentangan para facilitator dan pengalaman praktikal dalam ujian penjurian keris. Selain itu, forum "New Generation Keris Makers" oleh Muzaffar Zafri diikuti bagi memahami proses penempaan dan penghasilan bilah keris. Forum "Peranan Ukiran dan Hiasan pada Hulu dan Sarung Keris" oleh Noorhaiza Noordin pula memberikan pemahaman tentang proses pertukangan serta aspek kesempurnaan dan keindahan visual hulu dan sarung keris. Memandangkan skema pemarkahan menyenaraikan elemen penilaian tanpa penghuraian secara terperinci, maka penjelasan tentang kriteria bagi setiap elemen dikumpulkan dengan menemubual dua informan yang terdiri daripada ketua juri:

1. En. Ahmed Zaini bin Mohd Zain
   Pengerusi Persatuan Kerabat Warisan Kelantan (KWK). Berpengalaman sebagai pegawai kedutaan Malaysia di beberapa negara, termasuk England, Belanda, Jerman dan Indonesia, beliau merupakan antara individu penting yang bertanggungjawab dalam mewujudkan pertandingan seni kecantikan keris di Malaysia.

2. En. Mat Azhar bin Mat Lazim
   Pengerusi Persatuan Seni Purba Terengganu (PSPT). Beliau berpengalaman mengadili pertandingan keris di seluruh negeri serta terlibat dalam menambah baik dan mengemas kini prosedur penjurian dari masa ke semasa.

Setiap data yang dikumpulkan dianalisis dengan pendekatan triangulasi dan kemudiannya dibentangkan dalam makalah secara deskriptif.

SOROTAN LITERATUR

Yusof et al. (2024), menerusi kajian The Philosophy of Art Behind the Aesthetics of 'Keris Malela', meneliti estetika bilah keris melela dengan memberikan perhatian kepada ciri formal dan falsafah seni yang mendasari reka bentuknya. Kajian ini penting kerana meletakkan keris sebagai objek apresiasi seni, bukan semata-mata senjata atau artifak sejarah. Namun demikian, kajian tersebut secara jelas mengehadkan skopnya kepada bilah, dengan tidak memasukkan hulu dan sarung sebagai sebahagian daripada analisis estetika.

Sementara itu, Abidin et al. (2020) mengkaji kehadiran jujukan Fibonacci dalam reka bentuk keris Malaysia berdasarkan elemen seni dan prinsip reka bentuk. Penggunaan analisis perkadaran menawarkan pendekatan formal untuk memahami organisasi visual dan penekanan dalam reka bentuk keris. Walau bagaimanapun, pendekatan geometri tersebut tidak merangkumi keseluruhan dimensi apresiasi, khususnya tafsiran simbolik dan pertimbangan nilai yang terbentuk melalui pengetahuan tradisional.

Dalam konteks seni kriya et al. (2018) membincangkan penghasilan pendok keris gaya Surakarta serta hubungannya dengan bahan, kemahiran pertukangan, identiti budaya dan perubahan sejarah. Kajian ini memperluas pemahaman bahawa nilai seni keris tidak terhad kepada

bilah, tetapi turut melibatkan komponen hiasan dan hubungan antara bentuk dengan konteks penghasilannya. Pendekatan tersebut relevan untuk apresiasi keris Melayu Semenanjung yang turut melibatkan hulu, sarung dan pendokok.

Seterusnya, Sunaryo et al. (2025) menggunakan pendekatan hermeneutik dan analisis simbolik untuk mentafsir estetika hulu keris kayu tayuman. Kajian ini memperlihatkan hubungan antara ciri fizikal, pengalaman estetika (rasa) dan kepercayaan budaya. Namun, tafsiran simbolik sedemikian perlu dibezakan daripada pemerhatian visual supaya makna yang diberikan kepada sesuatu ciri tidak dianggap sebagai fakta universal tanpa sokongan bukti.

Hanipah (2020) dalam thesis ijazah doktor falsafah yang berjudul 'Pengekalan dan perubahan rekabentuk keris Melayu Kelantan: kajian kes Keris Tok Chu dan Keris Pandai Saras' menyatakan ciri-ciri khas sebagai identiti bagi sesuatu rekaan keris seperti reka-bentuk asal sesuatu model dari aspek garapan banggunannya dan gaya ricikan yang dikekalkan menjadi elemen yang diteliti dalam menentukan kesempurnaan sesebilah keris yang dihasikan. Teknologi moden memberi impak pada mutu keris-keris yang dihasilkan pada zaman ini, yang mana permukaan bilah keris dapat dihasilkan lebih licin, kerawang dapat dibentuk sempurna, lurah lebih dalam, tulang lebih menonjol yang secara tidak langsung menjadi ciri-ciri yang membezakan antara keris yang dihasilkan zaman dahulu dengan keris-keris baru.

Darmojo et al. (2026) meneliti transformasi bahan terbuang menjadi pamor keris Jawa, dengan menekankan interaksi antara bahan, teknik tempa, komposisi visual dan pengetahuan pertukangan. Kajian ini mengukuhkan pemahaman bahawa estetika pamor terbentuk melalui hubungan antara sifat material dengan proses penghasilan, tetapi tidak secara langsung membangunkan kaedah penilaian keris berasaskan pertandingan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Keris secara asasnya terdiri daripada bahagian hulu, sarung, pendokok dan bilah. Kekurangan walau hanya salah satu daripada komponen yang disenaraikan, maka keris tersebut dianggap sebagai tidak sempurna, manakala bahagian bilah atau mata keris adalah komponen yang paling penting (Abdullah & Senik, 2007. Zamli, 2019). Antara ciri yang membezakan keris dengan senjata-senjata lain adalah rekaan bilahnya yang melebar secara mengejut pada pangkal, tidak lurus selari serta mencondong, juga kehadiran bahagian '*ganja'* iaitu sekeping besi berlubang yang berbentuk tebal, dipasangkan pada bahagian *puting* keris (Hill, 1956). Walaupun digarap membentuk rupa keris, ia hanya boleh didefinisikan sebagai keris hanya jika melalui proses tempaan (lipatan besi) sama ada daripada sebatang besi atau besi campuran (Muati, 2017). Terdapat lebih daripada seratus reka-bentuk mata keris (Sheppard, 2010) yang terhasil mengikut cita rasa suku bangsa serta aspek penyesuaian wilayah pembuatannya (Bahari, 2009. Muati, 2015. Fadzil, 2022). '*Empu'* merujuk kepada gelaran bagi tukang yang menghasilkan keris, menciptakan pelbagai ragam-bentuk bilah yang disebut sebagai *dhapur,* iaitu ciri khas penentu bagi penamaan keris (Harsrinuksmoksmo, 2004:136). Di dalam *dhapur* atau *dapor* adanya hiasan yang dipanggil sebagai *prabot* dan *ricikan* iaitu ukiran motif pada bilah yang juga menjadi identiti khas pada sesebilah keris (Frey, 1986:36. Vebrianto et.al, 2021).

Menurut Yusof et.al (2022) penjenamaan klasifikasi keris mengikut geografi adalah seperti; *Keris Patani, Keris Semenanjung, Keris Jawa, Keris Sumatera/Minang, Keris Bali/Lombok, Keris Bugis dan Keris Sundang/Sulok*. Malah setiap satunya memiliki sub pecahan penjenisan keris mengikut fungsional sosial dan lokaliti wilayah atau negeri ia dihasilkan, contohnya sub pecahan Keris Melayu Semenanjung, penjenisan kerisnya adalah seperti; *Keris Cenok, Keris Picit, Keris Beko, Keris Alang, Keris Bugis Semenanjung, Keris Pandai Saras, Keris Unduk-unduk, Keris Sempena, Keris Tajong, Keris Siar Terbang, Keris Sotong, Keris Lepeng, Keris Bahari, Keris Ganja Seiras, Keris Cherita, Keris Tok Chu dan Keris Melela* (Zamli, 2019:206).

Selain daripada *Keris Tajong* yang dinamakan berdasarkan pakaiannya, menjadi kelaziman bagi keris-keris Melayu Semenanjung dinamakan mengikut bilahnya. Justeru penamaan *Keris Melela* pada sesebilah keris adalah kerana bilahnya adalah dari jenis *Melela*. Kamus Wilkinson mendefinisikan *Keris Melela* sebagai bilah kosong tidak berpamor (Hodgson, 1956). Zamli (2019:234) ada merekodkan tiga pendapat daripada ahli-ahli perkerisan veteran mengenai *Keris Melela*;


1. *Keris Melela* mendapat namanya dari jenis besi yang dipanggil sebagai *Melela* yang besinya berwarna hitam, berpermukaan licin padat tanpa tekstur kasar, sifatnya sukar berkarat, merupakan hasil air-tangan empu *Pandai Zainal* dari daerah Pattani pada abad Ke-18.
2. Penamaan *Keris Melela* berasal usul dari loghat masyarakat Kelantan dan Patani iaitu perkataan *"Melelo"* yang bermaksud terhuyung-hayang mengkuti jalan yang bengkang-bengkok.
3. Terdapat pandai besi bernama Isa yang menempa keris di kawasan istana Negeri Terengganu, menghasilkan *Keris Melela* ketika era pemerintahan Sultan Ahmad sekitar akhir abad ke-19. Masyarakat di Terengganu mengenali *Keris Melela* sebagai *Keris Gelugur*.

Muati (2015:33) berpendapat *Keris Melela* berasal dari Pantai Timur Semenanjung khususnya negeri Terengganu. Bilah keris ini sesuai digunakan untuk bertarung. Lazimnya ditempa dari besi sebatang berwarna gelap dan keras, kemudiannya dicanaikan alur, lurah, tulang serta lembah sebagai ciri khas yang mendefinisikan *Keris Melela.* Namun keris Melela tidak semestinya ditempa dari besi sebatang, kerana ada juga yang diperbuat daripada campuran beberapa jenis besi. Abdullah (2007:123) merekodkan ilustrasi *'Keris Melela Semenanjung'* yang ditempa dari campuran besi *miang perak*, manakala *'Keris Melela Sari berlok tiga'* permukaan bilahnya memiliki bitnik-bintik halus patat jarum yang dipercayai berbisa.

Keris Melela juga memiliki pelbagai jenis, seperti variasi tulang tengahnya berbentuk bulat serta variasi '*Melela Kuda Laut*' yang memiliki figura kuda laut pada kiri kanan bilah yang ukirannya terletak di bawah akut dan kerawang (Muati, 2015:34). Menurut Lazim (2019) *Melela Kuda Laut* turut dikenali sebagai *Keris Unduk-Unduk* atau *Raja Melela.* Selain itu beliau juga ada menyenaraikan kepelbagaian variasi *Keris Melela* seperti *Melela Tulang Bulat Berkuma, Melela Tulang Belut* dan *Melela Wafak (berabjad).*


Akademika 96(3), October 2026
https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-16

CIRI-CIRI KERIS MELELA




RAJAH 1. Anatomi bilah Keris Melela
Sumber: Ubah suai Mohd Noordin bin Ab. Hamid (2019)

Reka bentuk bilah berperanan penting bagi mendefinisikan Keris Melela. Menurut Yusof et.al (2024) spesifikasi yang mendefinisikan bilah Keris Melela adalah bilahnya memiliki lurah depan & belakang di pangkal bilah, memiliki akut belalai gajah, bertulang, beralur, bertebing, berkerawang duri mengkuang dan angka 3 serta berlok. Namun terdapat juga keris jenis lain yang memiliki prabot dan ricikan bilah yang hampir menyerupai Keris Melela, antaranya adalah Keris Charita dan Keris Tok Chu. Bagi membezakan di antara ketiga-tiganya, ciri khas yang disepakati adalah Keris Melela bilahnya berlok, manakala keris Charita bilahnya lurus dan bilah Keris Tok Chu pula tidak berakut atau akut bisu (Zain, 2023). Terdapat juga perbezaan dari sudut gaya ricikan, iaitu keris Melela memiliki garapan lurah dan alor yang lebih dalam serta bahagian tulang dan tebing yang lebih menonjol selain kelebaran bukaan bilah yang lebih besar berbanding keris Charita. Bagi bilah keris Tok Chu, ia hanya memiliki lurah hadapan pada pangkal bilah, sedangkan bilah Charita dan Melela memiliki lurah depan dan belakang. Rajah 2 di bawah mempamerkan perbezaan reka bentuk umbi bilah keris Melela, Charita dan Tok Chu.




RAJAH 2. Perbezaan prabot serta ricikan antara pangkal bilah keris Melela, Charita dan Tok Chu
Sumber: Mohd Noordin bin Ab. Hamid (2019) & Koleksi Pengkaji

Terdapat juga jenis bilah keris dari luar Semenanjung contohnya seperti Keris Sumatera yang turut memiliki ciri-ciri yang sama dengan keris Melela. Bagi membezakannya, penelitian harus tertumpu pada gaya ricikan, yang mana bahagian lembah atau picitan pada bilah keris korekan lembahnya kelihatan landai jika dibandingkan dengan keris Melela. Selain itu lurah depan dan belakang di pangkal bilah keris Sumatera kelihatan lebih luas walhal bilah keris Melela lurahnya sempit dan pucuk lurah yang meruncing tajam. Selain itu, bilah keris Sumatera memiliki kecenderungan untuk menggunakan campuran beberapa jenis besi yang menerbitkan corak pamor sedangkan keris Melela lebih cenderung dibuat dari besi sebatang. Namun teknik mengenali keris melalui penghayatan ke atas gaya ricikan memerlukan pengalaman serta kemahiran yang tinggi, justeru penelitian ke atas pakaian keris menjadi pembayang utama dalam menentukan jenis sesebilah keris. Rajah 3 di bawah menunjukan imej Keris Sumatera serta imej umbi bilah keris dengan ricikan gaya Sumatera.



RAJAH 3. Pakaian Keris Sumatera & contoh pangkal bilah Keris Sumatera
Sumber: Keris collector online (social learning) https://www.facebook.com/groups/keriscollectorsonline

Keris Melela mencerminkan kehebatan pertukangan dan kehalusan hasil tangan para empu zaman dahulu. Bilahnya adalah antara *dapor* Keris Melayu yang sarat dengan ricikan kerawang, korekan lembah, alor dan lurah yang setiap satunya memiliki istilah serta falsafah yang tidak hanya memenuhi keinginan berseni tetapi digarap untuk memenuhi fungsinya yang tersendiri. Rajah 4 menunjukan himpunan istilah-istilah setiap perabot dan ricikan pada pangkal (umbi) Keris Melela, dilanjutkan pada perenggan seterusnya dengan analisis dan perbincangan mengenai kesempurnaan serta keindahan setiap komponen pada keris Melela.



RAJAH 4. Istilah-istilah pada perabot & ricikan di pangkal keris Melela berdasarkan temubual informan di lapangan.

1. Akut


Istilah akut adalah daripada perkataan angkut yang bermaksud mengangkat atau membawa sesuatu. Terdapat pelbagai jenis akut pada bilah keris, Zain (2012) ada menyenaraikan hampir 19 jenis akut pada bilah keris antaranya adalah seperti *Akut Gulung/Lipat, Akut Kuku Bima, Akut Bisu/Bungkem, Akut Kedut, Akut Berkembar, Akut Paruh Burung* dan pelbagai lagi. Namun yang paling lazim ditemui serta digunakan pada bilah keris Melela adalah Akut Belalai Gajah. Menurut Lazim (2023) Akut Belalai Gajah lebih banyak ditemui pada keris-keris Melayu kerana falsafah di sebalik rekaannya serta rupa bentuknya yang dianggap menarik. Menurut beliau lagi apresiasi yang tinggi jika belalai gajah pada keris dihiasi dengan kerawang sempurna serta garapan hujung belalai menyentuh gandek. Manakala bagi akut yang patah kebiasaannya diperbaiki dengan membungkus atau menyalut bahan lain bagi membentuk kembali belalai gajah yang patah tersebut, namun nilaiannya tetap rendah walaupun dibungkus dengan bahan emas. Norman et.al (2014) menyatakan falsafah Akut Belalai Gajah merupakan simbolik gajah yang menggunakan belalainya untuk memberi makan pada anaknya sebagai perlambangan rezeki. Manakala Zamli (2019) pula menyatakan Akut Belalai Gajah dikaitkan dengan simbolik kekuatan dan kegagahan pada sesebilah keris.



RAJAH 5. Akut belalai gajah pada keris Melela yang menyentuh gandik
Sumber: Pameran & Pertandingan Keris Terbuka Kebangsaan Melaka 2024

2. Alis

Alis adalah alor dangkal pada keris yang digarap melengkung seperti alis atau kening yang ada kalanya menjadi tanda bagi membezakan dapor keris (Harsrinuksmo, 2004:471). Alis pada bilah keris terletak berdekatan gandik di atas lembah atau picitan. Alis pada keris Melela menjadi pembayang bagi menentukan negeri ia dihasilkan. Menurut Lazim (2019) terdapat perbezaan di antara gaya ricikan alis pada bilah Melela Kelantan dan Terengganu yang mana alis bagi bilah keris Terengganu kedudukannya selari dengan akut, manakala alis pada bilah keris Melela Kelantan bentuknya melengkung ke atas seperti yang ditunjukan pada gambar 6 di bawah.




RAJAH 6. Perbezaan garapan alis bilah Melela Terengganu dan Melela Kelantan.
Sumber: Pertandingan Kecantikan keris Melaka

3. Ganja

Ganja adalah komponen bilah yang terletak di antara mata keris dengan hulunya yang berupa sekeping besi berlubang, disematkan melekat pada bahagian puting berdekatan pangkal bilah. Besi bagi membuat ganja diambil dari potongan hujung keris ketika proses bakalan, ia kemudian dibentuk sama ketebalannya dengan pangkal bilah agar kelihatan indah serta dapat digenggam sempurna (Yub, 2006). Bakalan merujuk kepada sekeping besi yang telah ditempa untuk membuat keris namun belum dicanai membentuk keris (Fadzil, 2022). Jika ganja pada

sesebilah keris diperbuat dari besi selain bilah yang ditempa maka ianya disebut sebagai Ganja Menumpang (Harsrinuksmoksmo, 2004). Menurut Fadzil (2022) falsafah penciptaan ganja dikaitkan dengan *Yoni* dan *Lingga* yang berasal dari pengaruh Hindu-Jawa. Bahagian puting keris adalah simbolik *Lingga* sebagai gambaran alat kelamin lelaki yang melambangkan kejantanan. Manakala ganja yang berlubang sebagai simbolik *Yoni* gambaran alat kelamin perempuan sebagai lambang kesuburan. Bahagian ganja juga sangat sinonim dengan pangilan cicak kerana istilah pada anatomi bahagiannya dibandingkan dengan tubuh cicak seperti kepala cicak, leher cicak, perut cicak dan ekor cicak. Hal ini mempunyai kaitannya dengan sifat cicak yang mampu melekat di pelbagai permukaan, simbolik bagi sifat ganja yang melekat pada bilah keris serta tidak tercabut walaupun diterbalikkan bilah (Zamli, 2019). Terdapat dua variasi yang lazim ditemui pada ganja Keris Melela iaitu Ganja Lurus dan Ganja Kedut. Ganja Lurus lebih banyak ditemui berbanding Ganja Kedut, kerana Ganja Kedut lebih rumit untuk dibentuk. Justeru penghargaan ke atas Ganja Kedut lebih tinggi berbanding Ganja Lurus. Ganja Kedut juga kebiasaannya memiliki hujung atau ekor yang melentik kebawah. Definisi ganja yang sempurna ialah memiliki sudut miring di antara 10°-15°, memiliki ketebalan yang seimbang dengan panjang bilah keris serta berkerawang duri mengkuang lengkap dengan ricikan angka 3 (Lazim, 2023).



RAJAH 7. Anatomi bahagian Ganja/Aring keris
Sumber: Zamli (2019)




RAJAH 8. Jenis ganja yang sering ditemui pada keris Melela
Sumber: Pameran & Pertandingan Keris Terbuka Kebangsaan Melaka 2024

4. Lurah

Lurah merupakan lekukan yang bermula dari bahagian lembah memanjang hingga ke pucuk lurah yang terletak di tengah bilah, lekukan yang pertama ini dipanggil sebagai lurah hadapan. Manakala lurah seterusnya yang bermula dari pangkal bilah memanjang hingga kepucuk lurah yang dipisahkan oleh tulang dipanggil sebagai lurah belakang. Jika pada sesebilah keris hanya terdapat lurah hadapan, ianya dikenali dengan pangilan jarum sepucuk oleh masyarakat Kelantan. Bagi bilah Keris Melela ia memiliki lurah depan dan belakang, ciri-ciri ini jarang ditemui pada dapor keris Melayu jenis yang lain (Zamli, 2019). Kesempurnaan lurah depan dan belakang ini adalah apabila panjang ukurannya dari pangkal hingga ke temuan di pucuk lurah sama ukuran panjangnya dengan ganja dari kepala cicak hingga ke ekor cicak. Manakala pemarkahan yang tinggi diberikan kepada lurah sempurna yang memiliki unsur simetri di antara lurah depan dan belakang, kedalaman sekata serta garapan tulangnya tidak terputus.

5. Kerawang

Kerawang merujuk pada ukiran yang terletak dari hujung ganja hingga ke pangkal bilah keris. Pada sesetengah bilah keris terutamanya bilah Melela, kerawang turut di ukir pada bahagian belalai gajah yang dipanggil sebagai janggut. Selain bertujuan untuk memperindahkan keris, kerawang berfungsi sebagai penyangga yang melindungi tangan penggunanya serta dapat mencederakan pihak lawan (Yusof et.al, 2024). Menurut Zamli (2019) bentuk dan ragam kerawang yang pelbagai dapat menjadi pembayang bagi asal usul pembuatan keris yang diteliti, kerana setiap kedaerahan mempunyai ragam kerawang yang tersendiri. Keris Melela memiliki kerawang duri mengkuang dan angka 3. Ada juga yang mengistilahkannya sebagai kerawang kuntum bunga, yang mana sekuntum bunga memiliki empat kelopak seperti yang di paparkan pada Rajah 4. Angka 3 pada kerawang dikaitkan dengan huruf jawi *'ain'* (ع) dan ada juga yang mengaitkannya sebagai perlambangan '*Om'* dalam kepercayaan Hindu. Menurut Hamid (2019) antara ciri kerawang keris Melela Kelantan adalah gaya ricikan kerawangnya kecil, variasi *kerawang dalam* dan bunganya satu atau dua kuntum sahaja. Bagi kerawang keris Melela Terengganu pula, ia memiliki variasi *kerawang luar* dan *kerawang dalam* dan dasar duri mengkuangnya selari dengan bilah (Lazim, 2019) seperti yang dipaparkan pada Rajah 9.



RAJAH 9. Jenis-jenis kerawang pada Keris Melela
Sumber: Mohd Noordin bin Ab. Hamid (2019) & Mat Azhar bin Mat Lazim (2020)

6. Alor

Alor merujuk kepada lekukan memanjang yang bermula dari pangkal bilah berdekatan dengan ganja hingga ke pucuk bilah. Kehadiran alor pada bilah dipercayai berfungsi untuk menjadikan luka tikaman lebih parah kerana bentuk luka tikaman keris yang beralur lebih mudah untuk dimasuki angin yang akan menolak keluar lebih banyak darah (Muati, 2015). Alor yang sempurna memiliki lekukan dengan kedalaman yang sekata hingga ke hujung bilah serta luas lekukan alor yang memiliki nilai simetri di antara alor depan dengan alor belakang.

7. Tulang & Tebing

Tulang adalah bahagian yang meninggi membentuk garisan di tengah bilah yang bermula dari pangkal hingga ke hujung bilah. Bagi Keris Melela yang berluk, tulang dan tebing keris turut mengikut lengok lok pada bilah. Aspek ini menjadikan Keris Melela memiliki nilai apresiasi yang tinggi kerana membentuk tulang serta tebing mengikut lenggok lok merupakan perkara yang rumit dan memerlukan kemahiran pertukangan yang tinggi bagi membentuk tulang atas permukaan sebilah keris dengan sempurna. Menurut Yusof et.al (2024) tulang berperanan sebagai unsur yang memperkukuhkan bilah keris serta meningkatkan nilai estetikanya. Bahagian tebing merujuk kepada bahagian pinggir bilah yang berbentuk curam yang terletak di kiri dan kanan bilah. Bahagian yang tinggi atau atas curam tersebut disebut sebagai tulang tebing. Kehadiran tebing adalah sama seperti lurah yang berperanan untuk menyebabkan luka tikaman menjadi lebih parah. Tulang dan tebing keris dinilai mengikut kejelasan, kedudukan pada posisi yang tepat dan garisan timbul yang tidak terputus.


8. Ketandaan

Ketandaan merujuk kepada motif-motif pada bilah keris yang bersifat azimat atau kepercayaan bahawa tanda tersebut dapat memberikan kelebihan dan hikmah tertentu. Ketandaan memiliki persamaan dengan pamor iaitu unsur yang mencorakkan permukaan bilah keris, namun ketandaan dapat hitung bilangannya, sedangkan pamor bersifat menyeluruh pada bilah. Malah di dalam pamor juga ada kalanya terdapat ketandaan. Ketandaan pada keris adalah seperti kesan pecahan, retakan, goresan, tampalan, lekukan, sepuhan dan pahatan yang membentuk sesuatu motif. Ketandaan terhasil sama ada dirancang oleh pandai besi sewaktu proses penempaan, terjadi dengan sendirinya pada bilah tanpa dirancang atau dibuat selepas keris siap ditempa (Zamli, 2019). Abdullah (2009) menyenaraikan puluhan jenis ketandaan yang terdapat pada bilah keris, antaranya adalah seperti ketandaan *kegunungan, tapak gajah, simpulan patat siput, lam alif, wakaf lam alif, panah laksamana, tuku jerang, paku bumi* dan pelbagai lagi.

Terdapat pelbagai teknik bagi menghasilkan ketandaan pada bilah keris dan kebanyakannya melibatkan proses yang rumit. Contohnya proses membuat ketandaan *Simpulan Patat Siput*, *bakalan* keris akan ditebuk bulat dan dimasukkan gulungan besi padanya. Manakala bagi menghasilkan ketandaan abjad atau wafak, antara tekniknya adalah seperti memahat motif yang dirancang pada bilah. Adakalanya setelah motif selesai dipahat lurah pahatan tersebut ditatah dengan bahan perak atau emas, kemudiannya dicanai dan diampelas hingga permukaan keris menjadi licin. Terdapat juga teknik yang melibatkan rendaman larutan asid alami bagi menimbulkan motif abjad, teknik ini juga disebut sebagai *'acid-etching'* (Fadzil, 2022:208). Ketandaan yang menjadikan bilah keris indah berseni,

mencerminkan kebijaksanaan empu dan pandai besi dalam berkarya, setiap satunya melalui prosedur dan ritual tersendiri. Keindahan ketandaan pada bilah keris dinilai mengikut kesempurnaan rupa-bentuk motif yang dihasilkan, kejelasannya, kesesuaian kedudukannya, dan jumlah jenis ketandaan yang terdapat pada sesebilah keris. Semakin banyak jumlah ketandaan semakin tinggi nilaian sesebilah keris.

Ketandaan pada bilah keris Melela kebanyakannya dari jenis tekstur permukaan besi yang terjadi dengan sendiri seperti ketandaan *sarang semut* dan ketandaan *gat* sama ada yang timbul ketika proses penempaan atau akibat peleraian dimakan usia. Ini adalah kerana bilah Melela dihasilkan dari besi sebatang dan kekuatan kesenian bilahnya terletak pada garapan ricikan yang sarat pada keseluruhan bilah. Kehadiran ketandaan yang dirancang pada keris Melela menjadi petanda sama ada keris tersebut Istimewa atau buatan baru kerana ianya bukan kelaziman. Antara ketandaan yang dirancang adalah seperti ketandaan wafak atau abjad yang biasanya dihias pada bahagian ganja serta ukiran motif seperti ketandaan air keringat dan motif unduk-unduk manakala ketandaan yang lebih kompleks seperti *Tapak Gajah & Simpulan Patat Siput* lebih menjurus kepada keris Melela baru. Sepuhan merupakan proses yang melibatkan bilah keris dipanaskan hingga 'pijar' atau menyala kemerah-merahan dan dicelup dalam cecair sebagai proses untuk mencapai tahap kekerasan yang ideal. Proses ini menyebabkan bahagian yang disepuh memiliki tanda kehitaman pada permukaan keris. Sepuhan merupakan antara ciri-ciri Keris Melela, semakin jelas dan tinggi tanda sepuhan semakin tinggi nilai penghargaan ke atas bilah, malah terdapat juga sepuhan yang diolahkan menjadi corak atau motif seperti "sepuhan V" yang dipaparkan pada gambar 10.



RAJAH 10. Jenis ketandaan pada bilah keris besi sebatang.
Sumber: Keris collector online (social learning) https://www.facebook.com/groups/keriscollectorsonline



RAJAH 11. Ketandaan jenis ukiran dan tatahan pada bilah keris Melela.
Sumber : Mat Azhar bin Mat Lazim (2020)

9. Lok

Lok atau luk adalah bahagian bilah yang berkeluk-keluk atau berbentuk melengkung kedalam secara selang-seli pada bilah keris. Bahagian yang menganjur keluar sebagai lawan bagi lok yang melengkung kedalam, disebut sebagai perut. Menurut Bahari (2009:31) falsafah lok pada bilah keris mengambil iktibar dari sifat naga yang dapat beradaptasi mengikut situasi sekeliling. Lenggok lok sebagai gambaran pergerakan naga yang memiliki simbolik tersendiri, terdiri daripada Naga Tapa, Naga Lata dan Naga Renang. Zamli (2009) pula berpandangan penciptaan lok merupakan inspirasi penghayatan sang empu pada alam sekeliling seperti bentuk sungai, bentuk api menjulang dan bentuk pergerakan ular. Gambaran ini dizahirkan pada lenggok lok, contohnya lok rapat merupakan gambaran aliran sungai yang deras, manakala lok sederhana menggambarkan aliran sungai yang tidak deras dan lok jarak menggambarkan aliran sungai yang perlahan. Bilangan luk pada sesebilah keris juga memiliki falsafah dan perlambangan tersendiri spertimana yang disenaraikan dalam jadual 3 di bawah;

JADUAL 3. Falsafah di sebalik jumlah luk pada bilah keris

Bilangan lok	**Falsafah / simbolik**	**Golongan yang menggunakan**
Lok 1 (lurus)	Gambaran huruf jawi 'alif' sebagai lambang tauhid, berperwatakan lurus dan tetap pendirian dalam membuat keputusan.	Tujuan khas kegunaan adat istiadat, pakaian kebesaran dan kegunaan pahlawan dalam pertarungan.
Lok3	Lambang kesaktian dan keajaiban, dipercayai dapat membantu pemiliknya mendapat pertolongan dan perlindungan ghaib.	Pakaian pendekar, panglima, dan orang kebanyakan.
Lok5	Perlambangan lima pancaindera yang dipercayai mempunyai kahsiat kepetahan berbicara.	Pakaian golongan ulama, raja dan bangsawan. Turut digunakan dalam upacara perubatan tradisional dan upacara persandingan pengantin.
Lok7	Perlambangan tujuh sifat manusia dan tujuh peringkat kejadian alam. Sebagai lambang kewibawaan dan kepimpinan.	Kebiasaannya digunakan oleh golongan pembesar kanan istana, laksamana dan panglima.

Lok9	Perlambangan kandungan ibu sembilan bulan simbolik menerima ilmu dan memanfaatkannya. Mencerminkan kebijaksanaan dan kewibawaan dalam memimpin.	Pakaian golongan raja pemerintah yang menjadikan keris sebagai regalia dan simbol kuasa.
Lok11	Perlambangan tubuh badan manusia yang memiliki sembilan rongga zahir dan dilengkapkan kiraan menjadi sebelas dari perkara-perkara rahsia sebagai tambahan. Perlambangan rukun iman dan rukun islam.	Pakaian mereka yang bercita-cita tinggi bagi mencapai kemajuan dalam kehidupan.
Lok 13	Perlambangan tiga belas sendi manusia yang membawa maksud lengkap menjadikannya tidak sesuai untuk disimpan oleh orang sembarangan kerana bersifat panas yang cenderung membawa persengketaan dan keganasan.	Pakaian mereka yang berani serta berjiwa kental.

Sumber: Ubahsuai Maklumat Yusof et.al (2022) & Zamli (2019)

Lok merupakan ciri sinonim pada bilah keris. Walaupun keris lurus, ia turut memiliki lok, dengan kiraan lok satu. Ini adalah kerana setiap bilah keris dihasilkan dengan memiliki kecondongan yang mengarah ke muka keris, walaupun keris memiliki lok yang banyak, akhir lok iaitu kedudukan tuntung keris akan melengkung menghala ke kiri atau ke muka. Jika lok diakhiri dengan tuntungnya mengarah kebelakang bilah, maka keris tersebut dianggap pelik atau cacat, selain besar kemungkinan bilah keris tersebut memiliki kiraan lok yang genap. Lok keris harus berangka ganjil sebagai simbolik kelemahan, kerana lok genap membawa pengertian kesempurnaan, manakala kesempurnaan hanyalah milik Tuhan. Justeru empu hanya akan menghasilkan keris dengan bilangan lok genap ketika tempaan keris terakhirnya (Yusof et.al, 2022). Kaedah untuk menghitung luk keris adalah dengan mengira jumlah lengkungan ke dalam pada bilah. Kiraan bermula dari pangkal keris iaitu lengkungan yang terletak di atas gandik, berselang-seli hingga ke hujung bilah (tuntung).

Dari aspek lok pada bilah Keris Melela, gaya *lok dalam* lebih banyak ditemui berbanding gaya *lok jarak* dan *lok tohor.* Manakala mengapresiasikan keindahan lok pada bilah keris Melela, ianya bersifat subjektif, kerana ia bergantung pada cita rasa pemerhati untuk menyatakan rasa kesesuaian pada keris yang diteliti. Akan tetapi, jumlah lok yang banyak, lenggokan lok yang sempurna, kedalaman lok yang jelas dan menonjol, secara visualnya lebih menarik perhatian juga lebih rumit untuk dihasilkan dengan mengambil kira bilah Melela memiliki tulang & alor selain keperluan untuk menjaga keseimbangan bilah. Walaupun bilah keris, termasuklah Keris Melela kekurangan nilai simetri, namun keris yang betul spesifikasi pembuatannya, memiliki keseimbangan yang membolehkan bilahnya yang lengkap berhulu & berpendokok dapat didirikan (Yusof et.al, 2024) dengan hanya menyandarkan bahagian pucuk bilah keris pada sarungnya.




RAJAH 12. Empu membandingkan lengkungan lok pada bekalan keris dengan lok pada acuan kayu bagi mendapatkan bentuk yang sempurna dan tepat
Sumber: Pameran Keris Kuasa dan Jati Diri (2023) Muzium Seni Islam Malaysia

10. Permukaan bilah

Bilah Keris Melela ditempa dari besi sebatang menjadikan bilahnya jarang bercorak kerana ditempa tanpa bahan pamor selain menjadi kelaziman bagi tukang untuk menyempurnakan keris yang dihasilkan dengan mengampelas bilah hingga licin. Namun ada kalanya teknik tempaan tukang yang mahir dapat menerbitkan tekstur menarik pada permukaan bilah walaupun hanya ditempa dari besi baja. Besi seumpama ini antaranya adalah seperti besi bari dan besi retak, manakala besi licin tanpa sebarang corak pula dipanggil sebagai besi tarung (Zamli, 2019:288). Besi bari merujuk kepada jenis besi dengan permukaan bertekstur lubang-lubang, sama ada berbintik-bintik halus yang dipanggil sebagai besi lubang jarum, berlubang-lubang bulat dan kasar dipanggil besi bari semut, lubang-lubang halus berbentuk garisan yang kelihatan seperti bulu dipanggil sebagai bari bulu rusa, manakala berpermukaan kasar seperti tekstur kulit kayu dipanggil besi bari kulit kayu. Besi bari boleh terhasil selepas penempaan atau kesan dari peleraian besi akibat dimakan usia. Besi retak pula, terhasil dari kemahiran tukang memanfaatkan kesan rekahan yang terhasil sewaktu penempaan dengan mengolahnya menjadi corak seperti besi retak seribu dan besi retak arang. Terdapat juga keris melela yang ditambah bahan besi yang dipanggil miang atau semiang yang menjadikan tekstur permukaan kelihatan seperti memiliki taburan butiran pasir yang berkilau. Terdapat tiga jenis besi semiang; yang pertamanya besi semiang berlian iaitu besi miang yang mempunyai kilauan umpama berlian di atas permukaan bilah kerana bahan miangnya kasar, semiang emas pula memiliki tekstur kilauan berpasir berwarna kuning kemasan dan semiang perak pula merujuk pada tekstur kilauan berpasir berwarna putih di permukaan bilah.

Besi tarung merujuk kepada besi berpermukaan licin, tanpa sebarang corak, bewarna gelap, kukuh dan keras sangat sesuai untuk dibawa bertikam. Besi tarung dengan permukaan licin-berkilat dipercayai dapat dibersihkan bilahnya daripada kesan darah tikaman dengan hanya merenjis bilahnya sebagai satu bentuk inovasi masyarakat zaman dahulu bagi memudahkan proses pembersihan. Antara contoh jenis besi tarung adalah besi tarung sotong yang dikatakan mengeluarkan air berwarna hitam apabila dicuci dengan limau dan besi tarung sayap kumbang iaitu jenis permukaan besi yang licin, hitam-kehijauan serta berkilat menyerupai sayap

kumbang. Keris besi sayap kumbang memiliki nilian yang amat tinggi kerana dianggap sebagai permukaan besi yang langka pada keris. Dari aspek apresiasi, hierarki nilaian besi adalah seperti berikut; permukaan besi licin hitam & berkilat memiliki nilaian yang paling tinggi, diikuti dengan permukaan bertekstur baldu, permukaan besi bari, permukaan kesat dan permukaan kasar adalah gred yang paling rendah.




RAJAH 13. Jenis-jenis permukaan besi keris
Sumber: Koleksi Pengkaji

KESEMPURNAAN DAN KEINDAHAN PAKAIAN KERIS MELELA

Istilah pakaian pada keris adalah komponen luaran yang menutupi bilah terdiri daripada bahagian hulu sarung dan pendokok sebagai elemen yang melengkapkan sesebilah keris. Menurut Zamli (2019) Jika keris lengkap berhulu dan pendokok tetapi ketiadaan sarung maka keris tersebut akan dipanggil keris telanjang. Pakaian keris dikaitkan dengan penawar yang mana bahan digunakan untuk membuat sampir dan hulu adalah dari jenis yang boleh dijadikan ubat selain turut digunakan juga sebagai senjata. Penerangan dan perbincangan mengenai setiap komponen pada pakaian keris adalah seperti berikut;

1. Sarung



RAJAH 14. Anatomi sarung keris
Sumber: Zamli (2019) & Ahmed Zaini bin Mohd Zain (2023)

Sarung keris berfungsi sebagai bekas tempat menyimpan mata keris supaya menjadikan ia selamat dan tidak membahayakan penggunanya (Zain 2023). Sarung keris terbahagi kepada tiga bahagian iaitu sampir, batang serunai dan buntut.


Sampir atau warangka adalah sebahagian dari sarung keris yang terletak di bahagian atas batang sarung. Bentuknya lebar, tebal, bujur, dan sedikit membulat, serta posisinya melintang

dan memiliki kecondongan. Biasanya, sampir dibuat dari kayu keras dengan tampilan yang indah. Bahagian liang sampir dilubangi untuk memasukkan pangkal mata keris, dan bentuknya disesuaikan dengan mengikut bentuk lengkungan ganja bilah keris. Bahagian liang ini biasanya diteliti bentuknya jika rapat dan kemas apabila dimasukan bilah maka sarung tersebut adalah sarung asal keris tersebut.

Batang serunai yang juga dipanggil sebagai batang atau gandar memiliki bentuk yang memanjang dari bahagian sampir hingga ke bahagian buntut. Diperbuat dari bahan yang lebih lembut dan berongga mikro contohnya seperti kayu sena dan kayu akasia agar lembapan pada bilah dapat mengering bagi mengelakkannya dari cepat berkarat. Bahagian buntut turut dikenali sebagai tampuk atau kasut, biasanya diperbuat dari bahan yang sama dengan sampir keris.

Bahan, corak dan hiasan pada sarung keris adalah cerminan status pemilik keris, contohnya keris mereka yang berstatus tinggi dalam masyarakat biasanya diperbuat dari bahan yang terbaik dan berharga seperti gigi, gading atau akar bahar, dihiasi ukiran serta berpendok iaitu hiasan dari bahan logam yang di hias dengan pelbagai motif, disarungkan pada batang serunai. Menurut Muati (2015:59 & 2017) sarung keris terutamanya bahagian sampir merupakan cerminan wilayah pemakai keris itu berasal, selain bahagian sampir merupakan simbolik tanah air yang merupakan gambaran kapal atau perahu. Manakala ragam sampir jenis tebar layar pula diinspirasikan dari bentuk layar kapal (Zain, 2023). Keris Melela Terengganu biasanya menggunakan sampir gaya Terengganu iaitu sampir yang berdaun (Muati, 2020) selain ciri pipi sampir lebih tebal berbanding negeri lain dan daunnya yang lebih tumpul. Manakala Melela Kelantan cenderung menggunakan motif sampir perahu potong. Hieraki apresiasi pada sarung keris adalah seperti berikut;


a. Bahan gigi atau gading lama yang mencapai tahap fosil sebagai bahan yang paling tinggi nilainya, diikuti bahan berharga atau kayu tua yang memiliki teras dan corak yang menarik, manakala kayu biasa adalah yang paling rendah nilaiannya
b. Bentuk sampir yang sempurna dengan saiz sampir yang bersesuaian dengan panjang bilah. Liang sampir yang mengikut kemas bentuk ganja manakala separuh ganja terkeluar sedikit secara sekata dan bilah tidak terkeluar jika sarung diterbalikan.
c. Hiasan berpendok emas atau perak bertatah permata dengan ukiran halus atau dihiasi prada emas sebagai ciri sarung yang bernilai tinggi. Sarung yang tidak berpendok tanpa hiasan sebagai pemarkahan yang paling rendah



RAJAH 15. Sampir perahu potong dan sampir Terengganu
Sumber: Pameran & Pertandingan Keris Terbuka Kebangsaan Melaka 2024

2. Hulu

Bahagian hulu atau *"ulu"* yang juga disebut sebagai *"tangkai"* adalah bahagian yang digunakan sebagai pemegang keris. Hulu keris lazimnya diperbuat daripada bahan keras seperti kayu, tanduk, gading atau logam yang dibuat mengikut keserasian bilah juga sepadan ukurannya dengan sarung keris (Zamli, 2019). Pada hulu keris terdapat bahagian buah pinang yang terletak pada bahagian paling pangkal yang biasanya dipasangkan dengan pendokok. Menurut Ibrahim (2004) rekaan hulu keris mengandungi makna intrinsik, dibuat bagi menggambarkan sesuatu seperti rupa figura lembaga, raksaksa dan zoomorfik. Menurut Zain (2023) rekaan awal hulu diperbuat dari logam dan menggambarkan dewa, evolusi memperlihatkan bahannya diubah kepada kayu sebagai kemudahan mengolah dan membentuk mengikut acuan budaya dan kepercayaan masyarakat setempat. Hulu keris juga dikatakan menggambarkan intipati pemiliknya selain merupakan cerminan status sosial dan asal usul pemiliknya. Keris Melela lazimnya menggunakan hulu jenis Pipit Teleng jika sampirnya dari jenis tebeng Terengganu dan mengenakan hulu Jawa Demam bagi sampir perahu potong. Sama seperti penilaian ke atas sarung, aspek bahan, kehadiran ukiran halus dan kesempurnaan bentuk menjadi penentu ketinggian nilaian hulu.




RAJAH 16. Anatomi hulu keris model Jawa Demam
Sumber: Ahmed Zaini Bin Mohd Zain (2023)



RAJAH 17. Hulu keris Pipit Teleng
Sumber: Koleksi Pengkaji

3. Pendokok

Pendokok adalah suatu komponen tambahan bagi sesebilah keris yang dianggap sebagai aksesori bagi menambah nilai estetika pada sesebilah keris. Kedudukannya adalah di antara "ganja" pada bilah dan "buah pinang" pada hulu. Komponen ini juga dikenali sebagai penongkok, dokok, dongkok, dulang-dulang keris, atau mendak, merupakan aksesori berbentuk cincin menyerupai sekuntum bunga yang dipasang di pangkal hulu keris sebagai hiasan (Yusof, 2022). Menurut Zamli (2019) pendokok mengangkat hulu keris dan menutup pangkal putting keris yang mempunyai rahsianya, selain menjadi pemanis bagi sesebilah keris serta melindungi buah pinang agar tidak mudah pecah. Pendokok memiliki garapan rekaan dan motif tersendiri mengikut daerah atau negeri ia dihasilkan (Muati, 2017). Pendokok yang paling sesuai dengan keris Melela berhulukan pipit teleng adalah dari jenis gelugor. Nilaian yang tinggi adalah pada pendokok berukir tebuk tembus bertatahkan permata dari bahan emas atau suasa, diikuti pendokok berukir dari bahan perak, timah hitam sebagai bahan yang langka serta kegunaan spiritual dan pendokok tembaga adalah yang biasa ditemui. Gambar rajah 17 & 18 di bawah menunjukan anatomi pendokok keris serta jenis-jenis pendokok yang boleh digunakan pada keris Melela.



RAJAH 18. Anatomi pendokok keris
Sumber: Ahmed Zaini bin Mohd Zain (2023)



RAJAH 19. Jenis-Jenis pendokok yang boleh ditemui pada keris Melela
Sumber: Mohd Noordin bin Ab. Hamid (2019)

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa apresiasi seni visual Keris Melayu Semenanjung jenis Melela memerlukan pendekatan penghayatan yang melangkaui penilaian berdasarkan keindahan fizikal semata-mata. Keindahan Keris Melela terbentuk melalui hubungan antara ketelitian pertukangan, kesempurnaan reka bentuk, pemilihan bahan, ketepatan garapan ricikan serta keserasian antara bilah dengan komponen pakaian keris, iaitu hulu, sarung dan pendokok. Ciri-ciri seperti akut, lurah, alor, kerawang, tulang, tebing dan lok bukan sahaja memperlihatkan kemahiran teknikal empu, malah menjadi asas untuk mengenal pasti identiti reka bentuk, variasi daerah dan mutu penghasilan sesebilah keris.

Penelitian terhadap skema pemarkahan pertandingan kecantikan keris turut menunjukkan bahawa pertimbangan estetik dalam tradisi perkerisan dibentuk oleh gabungan kriteria yang boleh diperhatikan secara fizikal dengan pengetahuan khusus yang diperoleh melalui pengalaman dan pewarisan budaya. Walaupun skema pemarkahan menyediakan kerangka penilaian yang tersusun, penghuraian terhadap makna, fungsi dan kesempurnaan setiap ciri visual masih memerlukan penjelasan daripada pengamal yang berpengalaman. Dalam hal ini, interpretasi simbolik terhadap sesuatu ciri perlu mengambil kira kepelbagaian pandangan dan konteks tradisi agar tidak dianggap sebagai makna tunggal yang bersifat universal.

Kesimpulannya, apresiasi Keris Melela merupakan proses yang mengintegrasikan pemerhatian visual, penilaian teknikal dan pemahaman budaya. Kajian ini memperluas penghuraian estetika keris melalui pendokumentasian kriteria penilaian serta pengetahuan pengamal yang mendasari pengiktirafan terhadap keindahannya. Dapatan ini berpotensi menjadi rujukan dalam pendidikan seni, penyelidikan warisan dan dokumentasi seni pertukangan tradisional Melayu. Kajian lanjutan disarankan untuk membandingkan kriteria apresiasi antara jenis keris dan tradisi wilayah yang berbeza, di samping meneliti bagaimana pengetahuan estetik perkerisan dapat didokumentasikan dan diwariskan kepada generasi seterusnya.

RUJUKAN

Abdullah, M., Z., H., & Senik, S., (2008). Senjata Warisan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abidin, S., et.al., (2020) The Presence of Fibonacci Sequence in Malaysia Keris Design Related to Elements of Art and Principles of Design 5th International Conference on Science and Social Research, Le Meridien Kota Kinabalu Hotel, 5(I3), Dec 2020 (pp.141-147)

Abe, A. (2022). Abduction in Art Appreciation. *Philosophies*, *7*(6), 132.

Ahmad, S., A., (1996) Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu. Edisi pelajar. Dewan Bahasa dan Pustaka. (ms 140-142)

Alashari, D. (2021). The significance of Feldman method in art criticism and art education. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, *25*(2), 877-884

Anuar, Z. (2006). Rabun dan yang berbahagia: ilmu visual dan tafsiran alam Melayu. Persidangan seni budaya dan warisan. KK 959.5 Per.

Bahari, E. (2009) Semangat keris Melayu: Menjawab Persoalan Ada Apa dengan Keris. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Cahn, S. M., Meskin, A. (2007). Aesthetics: A Comprehensive Anthology. Blackwell Publishing. (Ms 134)

Creswell, J. D. (2017). Mindfulness interventions. *Annual review of psychology*, *68*(1), 491-516.

Darmojo, K. W., Santoso, I. B., & Suzuki, I. (2026). Material transformation and cultural aesthetics in Javanese keris pamor: A perspective on sustainable art. Bahasa dan Seni: Jurnal Bahasa, Sastra, Seni, dan Pengajarannya, 54(2), 501–521.

Desa, N. E., A'yunni binti Muhamad, N., Bakar, S. A. S. A., & Tahir, A. (2021). Asas Apresiasi Seni Dari Perspektif Formalistik, Rupa Dan Makna: The Basics Of Art Appreciation From A Formalistic Perspective, Appearance And Meaning. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, *11*(2), 97-112.

Fadzil, I., et.al (2022) Keris Power and Identity. Islamic Arts Museum Malaysia. (Ms 33 & 180) & Tengku Ahmad Ridhaudin (2021) Kitab; Keris Hangtuah 6 Manuskrip Melayu.

Feldman, E.B. (1994). Practical art criticism. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Guntur, & Sutrisno, M. (2018). A technical discourse: The making of pendhok kris in Surakarta style. Wacana Seni: Journal of Arts Discourse, 17, 107–137.

Hamid, M. N. A. (2019). Persidangan Keris Antarabangsa 2019 - Keris sebagai Lambang Jati Diri Rumpun Melayu Nusantara. Jabatan Warisan Negara dengan Kerjasama Muzium Negeri Terengganu dan Persatuan Purba Terengganu. Dewan Batu Bersurat Muzium Terengganu.

Harding, N., & Kostera, M. (2021). Doing ethnography: introduction. In *Organizational Ethnography* (pp. 1-17). Edward Elgar Publishing.

Harun, N., (2022). Simpan keris berusia 300 tahun, ada bernilai RM 40,000 sebilah. Harian Metro. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/10/898108/simpan-keris-berusia-300-tahun-ada-bernilai-rm40000-sebilah-metrotv

Hodgson, G. (1956). Keris Types and Terms. JMBRAS 29, 68-90

Ismail, M. (2021) Peranan Dramaturg dalam persembahan komedi Karoot Komedia X: Kajian kes Sabri Yunus. Thesis Ijazah doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ibrahim, F. K. (2004). The zoomorphic forms in traditional keris hilts. *Jurnal Alam Bina*, *6*(1), 1-18.

Lazim, M., A., M., (2019) Persidangan Keris Antarabangsa 2019- Keris Terengganu- Sejarah, Ciri-ciri dan perlambangan. Jabatan Warisan Negara dengan Kerjasama Muzium Negeri Terengganu dan Persatuan Purba Terengganu. Dewan Batu Bersurat Muzium Terengganu.

Lazim, M., A., M., (2023). Perincian Skima penilaian dan pemarkahan keris/senjata Melayu. Bengkel Penilaian dan Penjurian Keris 2023. Kerjasama Muzium Negeri Terengganu dan Persatuan Purba Terengganu.

Maamor, F. R., Kahn, S. M., Zahid, I. A., & Taif, B. (2024). Buah Buton: Simbol Pengaruh Kedudukan Adat dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan. *Akademika*, *94*(2), 129-162.

Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Prentice Hall/Pearson Malaysia.

Martha, E., and Kresno, S. (2016). Qualitative research methodology. Jakarta: Rajawali Press

Muati, A. (2015) Keris Melayu Semenanjung: Suatu pengenalan. UPM press.

Muati, A. (2017) Keris Melayu Semenanjung: Rupa bentuk keris mengikut negeri. UPM press

Muati, A. (2020) Keris Indah Koleksi Diraja Keris Nusantara. UPM press.

Noor, F. A. & Khoo, E. (2003). Spirit of Wood The Art of Malay wood carving.

Ridhaudin, T., A., (2021). Kitab; Keris Hang Tuah, 6 Manuskrip Melayu.

Sunaryo, T. B., Lasiyo, & Tjahyadi, S. (2025). Interpreting Javanese aesthetics through a qualitative hermeneutic and symbolic analysis of tayuman wood (Bauhinia purpurea) keris hilts. International Journal of Visual and Performing Arts, 7(2).

Velly, D. E., & Susanti, E. (2024). Analisis Desain Cover Novel Tetralogi Empat Musim Karya Ilana Tan Dengan Teori Kritik Seni Feldman. *Jurnal SASAK: Desain Visual dan Komunikasi*, *6*(1), 177-184.

Yusof et.al, N. A., Mamat, M., Keng, L., & Haron, H. (2022). Keris: Mengenal Asal-Usul, Falsafah dan Fungsi. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, (*23*) 66-90.

Yusof, N. A., Haron, H., Keng, L. K., & Mamat, M. (2022). The Philosophy Of Keris Design in Malay Civilization. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *12*(11), 2401-2421.Jabatan Warisan Negara dengan Kerjasama Muzium Negeri Terengganu dan Persatuan Purba Terengganu. Dewan Batu Bersurat Muzium Terengganu.

Yusof, N. A., Alias, J., Basir, A., Salleh, A. R., & Mohammad, Z. (2024). The philosophy of art behind the aesthetics of 'Keris Malela'. International Journal of Religion, 5(11).

Zain, A. Z. (2012). Rahsia Jenis-Jenis Akut. Kelab Warisan Kelantan.

Zain, A. Z. (2023) Asas Pertandingan dan Pengenalan Keris (Edisi iii). Kerabat Warisan Kelantan. Bengkel Penilaian dan Penjurian Keris 2023. Kerjasama Muzium Negeri Terengganu dan Persatuan Purba Terengganu.

Zamli, A. (2019) Keris Melayu: Pusaka Bangsa. Perpustakaan Negara Malaysia.

BIODATA:

AHMAD AFIQ AHMAD FARIS (Penulis Koresponden)
Program Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Emel: afiqfariz9apple@gmail.com

MAIZIRA ABDUL MAJID
Program Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Emel: maizira@um.edu.my